



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 10 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	VETERINAR PERAK CADANG NAIKKAN KADAR KOMPAUN, NASIONAL, BH -30 PEGAWAI VETERINAR DITUDUH SALAH GUNA JAWATAN, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -22 PEGAWAI VETERINAR KENA 3 PERTUDUHAN RASUAH RM58,617, NASIONAL, BH -22 GUNA JAWATAN KAUT RM58K, LOKAL, HM -19 DOKTOR VETERINAR DIDAKWA TERIMA SUAPAN RM58,617, DALAM NEGERI, UM -29	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6. 7. 8. 9.	20 PENYU AGAR MATI DALAM TEMPOH LIMA BULAN, DALAM NEGERI, UM -29 'SEA TURTLES DYING AT ALARMING RATE', NEWS IN BRIEF, NST -13 LIMA NELAYAN DITAHAN LANGGAR SYARAT SAH LESEN, NEGERI PERAK/PAHANG/P.PINANG, SH -26 DEATH RATE OF SEA TURTLES IN TERENGGANU ALARMING – FISHERIES DEPARTMENT, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	MUSANG KING TETAP RAJA DURIAN 'KAYANGAN', NEGARA, KOSMO -3	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
11.	SHOPEE JUAL DURIAN, BISNES, HM -27	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12. 13.	MAQIS BONGKAR TAKTIK PENYELUDUP, MODUS OPERANDI, SH -20 TIADA KARTEL SAYUR, BUAH-BUAHAN, MODUS OPERANDI, SH -21	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
14.	NANAS SARAWAK SEPERTI VIRUS CORONA, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

10/7/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

30

Veterinar Perak cadang naikkan kadar kompaun

Taiping: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Veterinar) Perak merancang meningkatkan kadar kompaun 10 kali ganda, iaitu dari RM2,000 kepada RM20,000 terhadap pengusaha ternakan ayam yang ingkar dan gagal mematuhi syarat ditetapkan.

Pengarahnya, Dr Ahmad Shafri Hassan, berkata langkah itu perlu bertukar kadar kompaun sedia ada seolah-oleh tidak menyelesaikan masalah seperti ketenteraman awam, lalat dan bau busuk.

Bellau berkata, kenaikan kompaun 10 kali ganda itu dapat memberi pengajaran kepada pengusaha, selain memastikan mereka lebih bertanggungjawab terhadap pencemaran dan ketenteraman awam kawasan sekitar.

"Enakmen Perladangan Unggas 2005 dan Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan

Unggas (Lesen) 2010 dengan jumlah kompaun RM2,000 ini perlu disemak semula kerana nilai itu rendah dan mampu dibayar dengan mudah oleh pengusaha.

"Jadi dengan nilai kompaun sedia ada itu, ia tidak menyelesaikan masalah dibangkitkan khususnya pencemaran bau, lalat dan sebagainya.

"Justeru, Veterinar Perak mencadangkan kadar kompaun itu dinaikkan RM20,000 bagi memberi peringatan kepada pengusaha supaya lebih bertanggungjawab dan sentiasa mematuhi syarat ditetapkan," katanya selepas melawat ladang ternakan ayam terbuka di Sungai Limau, Trong, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria, Bagaimanapun, Dr Ahmad

berkata, kadar kompaun itu perlu dibentangkan pada peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) terlebih dulu untuk dibincangkan sebetum kata putus dibuat.

Beliau berkata, sehingga kini, di Perak ada lebih 400 ladang ternakan ayam berlesen, namun hanya 16 peratus saja dilaksanakan secara tertutup, manakala selebihnya secara ladang terbuka.

"Di Perak kita ke arah menggalakkan pengusaha mengusahakan ladang ternakan ayam secara tertutup bagi mengatasi masalah lalat dan ketenteraman awam," katanya.

Sementara itu, Razman berkata, nilai kompaun dicadangkan Veterinar itu adalah munasabah dan dapat memberi peringatan kepada penternak untuk lebih peka terhadap masalah yang timbul.



Ahmad Shafri (kiri) bersama Razman (dua dari kanan) meninjau ladang ternakan ayam terbuka di Sungai Limau, Trong, semalam.

(Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BHF)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	22

Pegawai veterinar dituduh salah guna jawatan

SHAH ALAM - Seorang pegawai veterinar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas tiga pertuduhan menyalahgunakan kedudukan dan jawatan apabila membuat syor memilih syarikat suaminya bagi kerja-kerja pembekalan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor.

Norhamizah Abdul Hamid, 42, juga mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan pilihan berhubung kesalahan sama di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali.

Bagi pertuduhan pertama, Norhamizah dituduh menggunakan jawatannya sebagai Pegawai Veterinar apabila membuat syor memilih Syarikat Iqmiz Enterprise, milik suaminya Iqramudy Sumin, 39, untuk melaksanakan Kerja Membekal Peralatan Klinik Bergerak

Veterinar bernilai RM19,720.

Dia juga dituduh melakukan dua kesalahan sama bagi Kerja Membekal Peralatan Makmal dengan harga kerja RM19,937 dan Kerja Membekal Makanan, Makanan Tambahan (vitamin) dan Syampu Kucing dan Anjing berharga RM18,960.

Ketiga-tiga pertuduhan di bawah Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Dia juga didakwa atas tiga pertuduhan pilihan berhubung kesalahan sama mengikut Seksyen 163 Kanun Keseksan

yang membawa hukuman penjara sehingga setahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Norhamizah dituduh melakukan kesemua kesalahan itu di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor di Lot 2, Jalan Utas 15/7, Seksyen 15, Shah Alam antara 30 Ogos 2019 hingga 16 Jun 2020.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Mohd Aliff Shaharuzaman manakala tertuduh diwakili peguam L Ramesh dan Nurliny Yusoff.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan mengarahkannya untuk menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Shah Alam setiap awal bulan. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

Pegawai veterinar kena 3 pertuduhan rasuah RM58,617

Shah Alam: Seorang pegawai veterinar dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas tiga pertuduhan menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan berjumlah RM58,617 pada 2019 dan 2020.

Norhamizah Abdul Hamid, 42, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan itu dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya bagi mendapatkan suapan berjumlah RM19,720 untuk syarikat milik suami, dengan membuat syor memilih syarikat itu melaksanakan kerja membekal peralatan Klinik Bergerak Veterinar.

Menurut pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya bagi mendapatkan suapan RM19,937 untuk syarikat suami, dengan membuat syor memilih syarikat itu melaksanakan kerja membekal peralatan makmal.

Mengikut pertuduhan ketiga pula, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya bagi mendapatkan suapan RM18,960 untuk syarikat suami, dengan membuat syor memilih syarikat itu melaksanakan kerja membekal makanan, makanan tambahan (vitamin) serta syampu kucing dan anjing.

Norhamizah didakwa melakukan kesalahan berkenaan antara 30 Ogos 2019 hingga 16 Jun 2020 di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2021	HARIAN METRO	LOKAL	19



NORHAMIZAH
dikenakan tiga
pertuduhan,
semalam.

Guna jawatan kaut RM58k

Shah Alam: Seorang pegawai veterinar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, semalam atas tiga pertuduhan menggunakan jawatan bagi mendapatkan suapan berjumlah RM58,617 pada 2019 dan 2020.

Tertuduh, Norhamizah Abdul Hamid, 42, membuat pengakuan tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali.

Mengikut pertuduhan pertama, Norhamizah didakwa menggunakan jawatan bagi mendapatkan suapan berjumlah RM19,720 bagi syarikat dimiliki suaminya Iqramudy Sumin, 39, dengan membuat syor memilih syarikat itu untuk melaksanakan kerja membekal peralatan Klinik Bergerak Veterinar.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menggunakan jawatan bagi mendapatkan suapan berjumlah RM19,937 untuk syarikat suaminya dengan membuat syor memilih syarikat itu untuk melaksanakan kerja membekal peralatan makmal.

Untuk pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa sekali lagi menggunakan jawatan bagi mendapatkan suapan berjumlah RM18,960 untuk syarikat suaminya dengan membuat syor memilih syarikat itu untuk melaksanakan kerja membekal makanan, makanan tambahan (vitamin) serta syampu

kucing dan anjing.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu antara 30 Ogos 2019 hingga 16 Jun 2020 di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor.

Justeru, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan tidak melebihi tempoh 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Bagi tiga pertuduhan pilihan, tertuduh didakwa memperoleh suapan berjumlah RM58,617 untuk Iqramudy sebagai ganjaran melalui pengaruh peribadinya dengan memberi kemudahan pada menjalankan kerja rasmi apabila membuat syor memilih syarikat suaminya untuk melaksanakan kerja tersebut.

Mahkamah menetapkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin selain membenarkan syarat tambahan dimohon pihak pendakwa.

Kes ditetapkan untuk sebutan pada 26 Ogos hadapan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

20 penyu agar mati dalam tempoh lima bulan

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Sebanyak 20 kes kematian penyu agar direkodkan di Terengganu dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Pengarah Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat berkata, perkembangan itu cukup membimbangkan apabila ada segelintir yang ditemukan mati akibat perbuatan khianat termasuk bagi mencuri telur.

Katanya, tahun lalu sebanyak 55 kes kematian reptilia marin itu dicatatkan di seluruh negeri berbanding 78 kes pada 2019.

"Bagaimanapun, saya percaya masih banyak kes kematian penyu yang tidak dilaporkan kepada Jabatan Perikanan.

"Antara kematian penyu yang dilaporkan adalah kerana tersangkut pada pukat nelayan

dan kemalangan akibat terkena kipas bot pelancong. Cuma, baru-baru ini berlaku kejadian khianat membunuh ibu penyu untuk mencuri telurnya di Pulau Kapas, Marang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sehubungan itu, Ruzaidi berharap jumlah kematian penyu dapat terus berkurangan dalam suasana perairan Terengganu yang kurang gangguan pelancong berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Terengganu mencatatkan pendaratan penyu tertinggi di Semenanjung Malaysia selepas Sabah dan sepanjang lebih sedekad lalu bermula 2010 hingga 2020, sebanyak 62,635 sarang penyu agar direkodkan diikuti karah (260 sarang) dan belimbing (10 sarang) manakala lipas tiada sarang.



ANTARA bangkai penyu agar tanpa kepala yang ditemukan terdampar di Pulau Lang Tengah, Kuala Nerus, Kuala Terengganu pada Jun lalu.

Doktor veterinar didakwa terima suapan RM58,617

SHAH ALAM: Seorang doktor veterinar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tiga pertuduhan menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan RM58,617 bagi suaminya antara Ogos 2019 hingga Jun 2020.

Norhamizah Abdul Hamid, 42, turut mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan pilihan selepas jurubahasa membacakan kesemua pertuduhan di hadapan Hakim, Rasyidah Ghazali.

Pertuduhan pertama dan kedua, Norhamizah didakwa menggunakan jawatan mendapatkan suapan bagi suaminya, Iqramudry Sumin, 39, sebagai pemilik syarikat Iq-miz Enterprise.

Menurut fakta kes, tertuduh didakwa membuat syor memilih syarikat itu membekal peralatan klinik bergerak veterinar dan membekal peralatan makmal dengan harga RM19,720 dan RM19,937 pada 30 Ogos dan 11 November 2019.

Pertuduhan ketiga, pegawai veterinar grad GV44 itu didakwa membuat syor memilih syarikat sama melaksanakan kerja membekal makanan, makan tambahan (vitamin) dan syampu kucing dan anjing dengan harga RM18,960 pada 16 Jun 2020.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor di Seksyen 15, di sini.

Selain itu, Norhamizah turut didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23(f) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah 24(1) Akta yang sama.

Sabit kesalahan, ibu kepada seorang anak itu boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan.

Nanas Sarawak seperti virus Corona

TAMPIN: Seorang pesara tentera terkejut apabila nanas Sarawak yang ditanamnya sejak perintah kawalan pergerakan (PKP) 1.0 tahun lalu mengeluarkan hasil seakan-akan bentuk virus Corona.

Pesara berkenaan, Lokman Ahmat, 57, berkata, nanas daripada pokok berusia setahun itu disedari mengeluarkan hasil buah bentuk unik oleh isterinya, Norsimah Mohd Mokhtar, 56, ketika mereka sedang menguruskan kebun kecil di hadapan rumah, semalam.

Menurutnya, di hadapan rumah terdapat 12 pokok nenas dari dua jenis iaitu nanas Sarawak dan nanas Yengki yang sudah pun mengeluarkan hasil sebanyak tiga kali.

"Kebiasaannya, nanas Sarawak ini akan mengeluarkan hasil seberat enam kilogram, namun kali ini pokok ini mengeluarkan hasil seakan akan virus Corona seberat 200 gram sahaja. Bentuknya yang agak unik dan kebetulan menyerupai virus Corona saya anggap sebagai salah satu dari keberkatan Allah SWT.

"Buat masa ini, nanas ini akan disimpan terlebih dahulu. Jika tidak mengecut, saya akan



LOKMAN menunjukkan buah nanas Sarawak yang ditanamnya dengan imej virus Corona ketika ditemui di kediamannya di Taman Sri Intan, Tampin, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

semai untuk dijadikan benih dan menanamnya semula bagi melihat perbezaan hasil nanas ini pada masa akan datang," katanya ketika ditemui di kediamannya di Taman Sri Intan, Ge-

mencheh, di sini, baru-baru ini. Sementara itu, Lokman berkata, sejak pelaksanaan PKP tahun lalu, dia dan isterinya mengusahakan kebun nanas di kampung mereka di Sungai

“Nanas Sarawak ini akan mengeluarkan hasil seberat enam kilogram, namun kali ini pokok ini mengeluarkan hasil seakan akan virus Corona seberat 200 gram sahaja.”

LOKMAN AHMAT

Jerneh bagi mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah selain berbakti pada tanah.

Menurutnya, mereka telah menanam lebih 200 pokok nanas dan pokok berkenaan telah mengeluarkan hasil sebanyak tiga kali untuk dijual serta dimakan bersama keluarga.

"Namun baru kali ini saya dan isteri melihat keunikan buah nanas Sarawak ini dan lebih menarik lagi ia seakan bentuk virus Corona bulat dan berduri," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2021	NST	NEWS IN BRIEF	13

'Sea turtles dying at alarming rate'

KUALA TERENGGANU: The sea turtle death rate in Terengganu is alarming, with 55 cases recorded by the State Fisheries Department last year.

Its director, Ruzaidi Mamat, said although the number showed a decrease compared with 78 deaths in 2019, he believed there were still many deaths that were not reported to the department.

"For the first five months of this year, only 20 deaths had been reported to the department and we hope this number will continue to drop following less 'disruption' in Terengganu waters during this period.

"Usually, turtle deaths are reported due to being caught in fishing nets and accidents due to being hit by tourist boat propellers. There was only one recent case

of a killing of a female turtle to steal her eggs in Pulau Kapas, Marang."

He did not rule out the possibility that restrictions in the tourism industry since the Movement Control Order was implemented in March last year had contributed to the drop in turtle deaths.

In the meantime, he said 8,195 nests were recorded last year involving 1,024 nesting females.

"This number shows an increase compared with the 7,913 turtle nests involving 990 turtles detected in 2019.

"Throughout last year, 662,097 eggs have been incubated at 48 landing beaches and 443,721 baby turtles have been released into the sea. On average, only one in every 1,000 hatchlings will grow to adult stage while the rest are eaten by predators at sea," he said. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ PAHANG/ P.PINANG	26

Lima nelayan ditahan langgar syarat sah lesen

FOTO: IHSAN MARITIM MALAYSIA

LUMUT - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Perak menahan sebuah bot nelayan yang didapati melanggar syarat sah lesen ketika melakukan aktiviti perikanan di kedudukan 8.6 batu nautika tenggara Pulau Jarak di sini pada Khamis.

Pengarah Maritim Perak, Kepten Maritim Shahrizan Raman berkata, kegiatan lima kru termasuk tekong itu dikesan ketika pasukan melakukan rondaan bersepadu Op Benteng dan Op Sayong kira-kira jam 10 malam.

“Kapal Maritim (KM) Tugau telah mengesan bot yang mencurigakan itu di perairan Pulau Jarak.

“Pemeriksaan mendapati bot Kelas C tersebut disyaki menggunakan pukut tunda sebagai alat penangkapan ikan di kawasan terlarang Zon B dengan tidak mematuhi syarat sah lesen,” katanya.

Menurutnya, lima lelaki berusia antara 26 hingga 40 tahun disyaki warganegara Myanmar ditahan selepas mereka gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah sewaktu pemeriksaan.

“Kesemua kru dan tekong,



Maritim Malaysia melakukan pemeriksaan dan kesemua kru ditahan serta hasil tangkapan dirampas untuk siasatan lanjut.

bot serta hasil tangkapan ikan dianggarkan seberat 80 kilogram kemudian diiringi ke Pusat Tahanan Vesel Kampung Bharu Setiawan bagi siasatan dan tindakan lanjut.

“Mereka disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan jika disabit kesalahan mereka juga boleh didakwa di bawah Seksyen 8 (B) Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen,”

katanya.

Katanya, penahanan itu membuktikan bahawa Maritim Malaysia sentiasa bersiap siaga dalam menguatkuasakan undang-undang bagi membendung kegiatan jenayah di laut.

Orang ramai diminta menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan jenayah maritim kepada Pusat Operasi Maritim Perak di talian 05-683 8737 atau MERS 999.

Headline	Death rate of sea turtles in Terengganu alarming—Fisheries Department		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	10 Jul 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	10	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	131 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 893
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,680



Death rate of sea turtles in Terengganu alarming — Fisheries Department

KUALA TERENGGANU: The death rate of sea turtles in Terengganu is alarming, with 55 cases recorded by the state Fisheries Department last year. Its director Ruzaidi Mamat said although the number showed a decrease compared with 78 deaths in 2019, he believed that there were still many deaths that were not reported to the department.

"For the first five months of this year, only 20 deaths had been reported to the department and we hope this number would continue to drop following less 'disruption' in Terengganu waters during this period. Usually, turtle deaths are reported due to being caught in fishing nets and accidents due to being hit by a tourist boat's propeller. There was only one

recent case of a brutal killing of a female turtle, to steal her eggs in Pulau Kapas, Marang," he said when contacted by Bernama. Ruzaidi also did not rule out the possibility that restrictions in the tourism industry since the Movement Control Order (MCO) implemented in March last year, also contributed to the drop in turtle deaths in Terengganu.

Headline	Death rate of sea turtles in Terengganu alarming—Fisheries Department		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	10 Jul 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	10	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	131 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 893
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,680

In the meantime, he said a total of 8,195 nests were recorded last year involving 1,024 nesting females.

This number shows an increase compared with the 7,913 turtle nests detected involving 990 turtles in 2019. Throughout last year, a total of 662,097 eggs have been incubated at 48 landing beaches and 443,721 baby turtles have been released

into the sea.

"On average, only one in every 1,000 hatchlings would grow, while the rest would be eaten by predators at sea," he said.

Based on the department's records, green turtle landings in Terengganu had also shown a significant increase compared with the beginning of the conservation programme.

"In the 1990s, turtle landings

were less than 5,000 nests a year but after 20 years, it had doubled, with the highest record in 2016 of 10,040 landings.

"It is hoped that this conservation effort continues to receive cooperation from the community so that these endangered animals could be protected for future generations," said Ruzaidi. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2021	KOSMO	NEGARA	3

Masih jadi pilihan utama berbanding tupai king

Musang king tetap raja durian 'kayangan'

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

BALIK PULAU - Durian raja kunyit atau lebih dikenali sebagai musang king tetap menjadi pilihan utama dalam kalangan peminat tegarnya walaupun muncul variasi baharu jenis tupai king selain durian duri hitam yang turut popular di negeri ini.

Rata-rata peniaga durian yang ditemui *Kosmo!* semalam memberitahu, durian musang king (D197) yang didaftarkan di Jabatan Pertanian pada tahun 1993 itu masih berada pada kedudukan teratas bagi buah jenis premium atau 'kayangan'.

Sebelum ini, durian tupai king dikatakan telah mengalahkan kehebatan duri hitam apabila ramai penggemar raja buah itu dikatakan mula mengalihkan tumpuan terhadap variasi baharu tersebut.

Seorang peniaga durian yang hanya mahu dikenali sebagai Kenny, 34, berkata, majoriti pelanggannya yang juga peminat baharu tupai king kini kembali meminati musang king.

Menurutnya, penggemar durian mula beralih tumpuan selepas mereka telah merasai sendiri tupai king yang menjadi sebutan ramai ketika ini.

"Ramai pelanggan saya mengatakan durian musang king adalah yang terbaik dan berada di tangga teratas jika hendak dibandingkan dengan tupai king atau duri hitam.

"Sebelum ini, mereka (peminat fanatik musang king) sanggup mengubah selera dengan memilih tupai king kerana mahu mencuba variasi baharu itu blar-pun harganya mahal berbanding



ISI durian musang king berwarna kuning pekat, tebal, tekstur halus, rasa lemak manis dan berbiji kecil.

KERATAN *Kosmo!* bertarikh 6 Julai 2021.



musang king," katanya.

Kenny memberitahu, ramai pelanggannya berpendapat, rasa asli buah durian sebenar terdapat pada musang king kerana rasanya berlemak, tekstur halus, sedikit pahit dan isi tebal berbanding tupai king yang mempunyai rasa manis dan pahit.

Katanya, permintaan durian musang king ketika ini semakin meningkat, namun malangnya pengeluaran di dusun Balik Pulau pula telah berkurangan.

Harga terkini musang king dijual antara RM40 hingga RM60 sekilogram, manakala tupai king antara RM85 hingga RM90

sekilogram dan duri hitam pula mencecah RM100 sekilogram.

"Stok durian tupai king juga berlaku pengurangan dan hanya boleh diperoleh daripada pemilik dusun antara sebiji hingga dua biji sehari," ujarnya.

Seorang lagi pembekal durian di sini, Roselina Abdul Rahman, 51, pula berkata, permintaan musang king dalam kalangan pelanggannya masih tinggi berbanding durian premium lain.

"Tempahan duri hitam dan tupai king tidak banyak disebabkan harganya mahal. Kebanyakan pelanggan kini memilih buah yang mampu milik atau beli.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2021	HARIAN METRO	BISNES	27

DURIAN E-FIESTA

In partnership with:

Agrobazaar eFAMAPLACE

RM30 OFF VOUCHER

*Images are for illustration purposes only.

Kuala Lumpur

Shopee bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) untuk memperkasakan petani dan penjual durian yang sah melalui kempen Durian e-Fiesta.

Semua transaksi di platform ini dilindungi oleh polisi Jaminan Shopee bagi mengelakkan kes penipuan.

Jaminan Shopee atau *Shopee Guarantee* adalah polisi yang akan melindungi semua transaksi yang dilakukan di platform Shopee agar pengguna dilindungi setiap masa.

Polisi ini memastikan Shopee memegang pembayaran secara *escrow* sehingga pembeli memastikan barangan yang diterima tulen dan berada dalam keadaan

SHOPEE JUAL DURIAN

Jalin kerjasama dengan Fama dalam mendigital 211 penjual

baik sebelum bayaran dilepaskan kepada penjual.

Dengan polisi ini, proses pemulangan pembayaran kepada pengguna Shopee dapat dilakukan sepantas 15 minit selepas diluluskan jika bayaran dibuat menggu-

nakan *ShopeePay*.

Pengurus Kanan (Pemasaran), Shopee Malaysia, Kenneth Soh berkata, pihaknya berterima kasih kepada Fama kerana membabitkan Shopee dalam program ini.

"Secara bersama, kami

mendigitalkan 211 penjual durian dan membantu dalam persediaan mereka menjelang kempen Durian e-Fiesta.

"Kami memahami sejak kebelakangan ini banyak kes penipuan berkaitan durian di media sosial. Kami berada di sini untuk memberi jaminan kepada pengguna supaya mereka tidak berasa bimbang kerana semua transaksi di Shopee dilindungi polisi Jaminan Shopee," katanya.

Kempen itu berlangsung dari 10 hingga 31 Julai dengan baucar diskaun menarik hingga 50 peratus, diskaun RM15 dengan pembelian minimum RM60 serta diskaun RM30 dengan pembelian minimum RM100 yang boleh dituntut menerusi laman mikro eFAMAPLACE.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2021	SINAR HARIAN	MODUS OPERANDI	20



mastikan barangan pertanian seperti sayuran dan buah-buahan yang dibawa masuk ke Malaysia bebas daripada penyakit, serangga perosak dan selamat dimakan oleh semua pengguna.

Maqis bertugas di 57 pintu masuk termasuk lapan di Selangor membabitkan sempadan udara, laut dan darat.

Pintu masuk di Selangor antaranya ialah Pelabuhan Klang Utara, Pelabuhan Klang Barat, Pelabuhan Klang Selatan serta Kargo KLIA di Sepang.

Dokumen import, eksport

Urusan import sayuran dan buah-buahan dari luar negara memerlukan Permit Import daripada Maqis, borang Kastam I (K1), Sijil 3P (Pembungkusan, Penggredan, Pelabelan) daripada FAMA, invoice, senarai pembungkusan dan *Bill of Lading*.

"Sijil 3P ini bagi memastikan sayuran dan buah-buahan yang dibawa masuk adalah mengikut spesifikasi ditetapkan. Contohnya jika gred

A, semuanya perlu gred yang sama.

"Kebanyakan isu yang diterima adalah kemasan tidak mengikut spesifikasi. Gred ditentukan oleh negara pengimport dan perlu sama dengan borang pengisytiharan. Jika gagal, ia salah mengikut peraturan kita.

"*Bill of Lading* atau B/L adalah salah satu dokumen paling penting dalam kegiatan pengiraman barang import atau eksport. *Bill of Lading* adalah surat tanda terima barang yang telah muat dalam kapal.

"Ia juga menjadi bukti pemilihan barang dan bukti adanya kontrak atau perjanjian pengangkutan barang melalui laut. "Pihak pelayaran membuat dan mengesahkan dokumen ini.

"*Bill of Lading* adalah dokumen pengangkutan barang yang berisikan informasi lengkap mengenai nama pengirim, nama kapal, data muatan, perincian *freight*, cara pembayaran serta nama *consignee* (penerima barang)," jelas Zamri.

Maqis bongkar taktik penyeludup

Palsukan dokumen import untuk bawa masuk produk pertanian terlarang ke Malaysia

fungsi untuk mengawasi produk pertanian sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Setakat ini, pelbagai jenis sayuran dan buah-buahan telah dirampas disebabkan pelbagai kesalahan seperti rosak atau paling ketara melibatkan pemalsuan dokumen diimport ke negara ini.

Ternyata Maqis tidak memandang enteng kegiatan mana-mana pihak yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan bagi memastikan keselamatan komoditi pertanian.

Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, Maqis berperanan untuk memastikan barangan pertanian yang dibawa masuk ke negara ini selamat digunakan oleh rakyat Malaysia selain bebas

daripada penyakit dan serangga perosak.

"Penubuhan Maqis adalah atas cadangan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang ketika itu merupakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani selepas beliau melawat Australia pada tahun 2008.

"Di Australia ada AQIS iaitu Perkhidmatan Pemeriksaan dan Kuarantin Australia, jadi pada pandangannya mengapa Malaysia tidak boleh buat sebuah jabatan seperti itu yang lebih efisien sekali gus dapat melakukan tugas dan tindakan pemeriksaan dengan lebih cepat.

"Sebelum wujudnya Maqis, kawalan di pintu masuk untuk barangan seperti daging, ayam, ikan dan sayuran dilakukan jabatan berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)," katanya.

Menurut Zamri, pihaknya akan me-

BUKAN sahaja mengawal import dan eksport daging sejuk beku, malah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) yang diwujudkan sejak tahun 2013 turut ber-



Maqis Selangor merampas sayuran atas pelbagai kesalahan di bawah Akta 728 membabitkan cubaan membawa masuk produk pertanian secara tidak sah ke dalam negara.



Pemeriksaan rapi dilakukan pegawai Maqis jika mendapat maklumat ada cubaan untuk menyeludup.

Taktik pengimport, ejen

Tambah beliau, urusan eksport pula memerlukan Borang K2, permit Maqis, *Bill of Lading*, invoice serta senarai pembungkusan.

Menurut Zamri, ada beberapa kesalahan yang sering dikesan, contohnya permit yang diberikan menyatakan muatan sayuran 10,000 kilogram, namun dalam pengisytiharan didapati jumlah itu lebih banyak.

"Sebab itu Maqis perlu sentiasa menyemak dokumen dengan betul.

"Tindakan akan diambil dengan rampas jumlah kuantiti yang lebih, bukan semua muatan. Namun, sekiranya muatan itu rosak, kita akan rampas keseluruhannya," jelas beliau.

Zamri berkata, pengimport dan ejen akan menggunakan pelbagai cara untuk membawa masuk atau keluar sayuran dan

buah-buahan.

"Bila ditahan, akan ada yang cuba mengubah pelbagai taktik.

"Tapi taktik mereka tidak lari daripada tiga perkara iaitu masuk tanpa permit, cuba lepas tanpa permit atau mengelirukan kita dengan pemalsuan dokumen.

"Selain itu, terdapat juga kesalahan tidak disedari oleh pengimport seperti kehadiran serangga perosak dan ia bukanlah kesalahan disengajakan.

"Apa pun kesalahan yang berlaku tetap akan ambil tindakan," kata Zamri.

Cerita beliau, pelbagai alasan kerap dilontar pengimport atau ejen terbabit.

"Jawapan biasa apabila kita soal siyasat ialah 'saya tidak tahu'. Macam mana pun salah tetap salah.

"Tindakan susulan adalah dikenakan kompaun manakala barangan diarah untuk pelupusan," katanya.

Tiada kartel sayur, buah-buahan

SEJAK tahun 2019 hingga Jun tahun ini, Maqis Selangor merekodkan sebanyak 204 kes rampasan sayuran dan buah-buahan membabitkan nilai mencecah RM13.9 juta.

Kesalahan itu adalah disebabkan pelanggaran undang-undang Maqis melibatkan pelabelan, tidak patuh syarat, mengelirukan, penyakit dan perosak serta tiada permit.

"Mengikut pecahan, tahun 2019 mencatatkan 40 kes dengan rampasan berjumlah RM4 juta.

"Jumlah itu telah meningkat pada tahun apabila 114 kes direkodkan dengan nilai rampasan bernilai RM6.7 juta.

"Bagi tahun ini pula, terdapat 50 kes dilaporkan dengan rampasan berjumlah RM3.2 juta setakat Jun," ujar beliau.

Tidak seperti kartel daging, setakat ini belum ada lagi kartel atau sindiket sayuran atau buah-buahan yang didalangi mana-mana syarikat pengimport dan individu.

"Kebiasaan pengimportan ini dilakukan oleh syarikat dan ejen penghantaran terbabit. Ejen atau orang tengah ini akan menguruskan semua kemasukan.

"Ada juga kes ejen dikesan melakukan kesalahan seperti pemalsuan dokumen, dokumen yang mengelirukan dan pengisytiharan yang salah," katanya.

Ujarnya, ejen yang mewakili pengimport itu mempunyai peranan yang besar. Mereka menguruskan seratus peratus kemasukan produk.

Katanya, apa yang dikesan Maqis ialah wujud ejen yang melakukan pemalsuan dokumen.

"Pengimport hanya mahu memastikan barang diimport sampai dan perkara itu menyebabkan ada ejen membuat pengisytiharan palsu.

"Di sini pegawai di pintu masuk perlu meneliti setiap dokumen yang

dikemukakan," kata Zamri.

Tambah beliau, Maqis mengambil serius isu keselamatan makanan kerana ia melibatkan hak pengguna iaitu rakyat Malaysia.

"Biarpun pelbagai helah cuba digunakan oleh ejen atau pengimport, mereka tidak akan terlepas daripada pemeriksaan ketat Maqis termasuk pemeriksaan fizikal pada dagangan serta dokumen," katanya.

Jangan beri muka

Maqis memantau sepenuhnya sebarang unsur rasuah. Jabatan itu tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai serta kakitangan yang menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi.

"Saya beri amaran keras sekiranya ada ejen yang sogok duit untuk memastikan pegawai dan anggota saya tutup mata.

"Kita ada unit integriti dalam jabatan. Jika ada bukti, kes ini akan dibawa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," kata Zamri.

Tambahnya, mana-mana pegawai dan anggota yang terlibat perlu sedia berdepan tindakan undang-undang, seterusnya dipenjarakan dan ditamatkan perkhidmatan.

Bagaimanapun, beliau mengakui mana-mana jabatan penguat kuasa tidak dapat lari daripada tohmahan masyarakat.

Jelasnya, tugas sebagai penguat kuasa pasti tidak akan disukai pihak tertentu dan mereka akan cuba mencari kesalahan walaupun kecil.

"Saya sendiri mengalami perkara itu. Kereta saya pernah dicalarkan, itu biasa. Ada kereta pegawai disimbah cat dan cermin dipecahkan.

"Itu satu cabaran untuk menguatkuasakan undang-undang," kata Zamri mengakhiri perbualan.



Sayuran yang dirampas akan dilupuskan secara berperingkat oleh Maqis.

Statistik kesalahan di bawah Maqis Selangor

Kesalahan	2019	2020	Sehingga Jun 2021
Perlabelan	17 kes	90 kes	43 kes
Tidak patuh syarat	3 kes	6 kes	1 kes
Mengelirukan	1 kes	1 kes	Tiada
Penyakit & perosak	12 kes	11 kes	4 kes
Tiada permit	7 kes	8 kes	2 kes
Jumlah kes	40	114	50
Nilai rampasan	RM4 juta	RM6.7 juta	RM3.2 juta

Hukuman kesalahan di bawah Akta Maqis 2011 (Akta 728)

- Seksyen 11 (permit): Denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.
- Seksyen 13 (pemalsuan permit/ tidak tepat mengelirukan): Tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.
- Seksyen 14 (penyakit/ perosak): Tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.
- Seksyen 15 (tidak patuh syarat): Tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.